



□ PERDANA Menteri bertemu anggota komando di Kem Sungai Udang



□ DR. MAHATHIR mengadakan sidang akhbar di Depo Peluru

BIAR TENTERA KECIL TETAPI CEKAP

Oleh HALIM MAJID

Dr. Mahathir lawat Markas Divisyen Ke-3 di Melaka

MALAYSIA memerlukan Angkatan Tentera cergas, cekap dan berkesan sesuai dengan keadaan negara ini kerana kita tidak mungkin dapat mengadakan sebuah Angkatan Tentera besar.

Untuk mengadakan sebuah Angkatan Tentera besar lengkap dengan semua jenis alat peperangan moden memerlukan modal dan belanja besar.

Demikianlah antara ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Pertahanan, selepas melawat sehari suntuk ke Markas Divisyen Ketiga Infantri Malaysia Kem Terendak dan unit Pasukan Komando Iaitu Rejimen Gerakhas Malaysia Kem Sungai Udang, Melaka baru-baru ini.

Ini adalah lawatan pertama Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Menteri Pertahanan ke Melaka yang bertujuan meninjau kemudahan-kemudahan perbatasan di Kem Terendak dan Pasukan Komando di Kem Sungai Udang serta melihat perkembangan projek Depo Peluru Terendak.

Diiringi Panglima

Bellau yang diiringi oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zain Hashim; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Datuk Baharuddin Musa; Setiausaha Politik Menteri Pertahanan, Encik Aziz Shamsudin serta pegawai-pegawai kanan tentera, tiba di Kem Terendak dengan helikopter Nuri TUDM.

Ketibaan bellau disambut oleh Panglima Divisyen Ketiga Infantri Malaysia, Mejar

Jeneral Datuk Haji Esa Ahmad dan pegawai-pegawai kanan tentera di situ.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menerima satu perbarisan kehormat sebelum mendengar taklimat keseluruhan serta operasi di Bilik Operasi Divisyen disampaikan oleh Mejar Jeneral Datuk Haji Esa.

Selepas taklimat hampir dua jam, Datuk Seri Dr. Mahathir berlepas ke Hospital Angkatan Tentera Terendak untuk mendengar taklimat serta menyampaikan bungkusan-bungkusan hadiah kepada pesakit-pesakit anggota tentera dan keluarga mereka.

Bellau begitu mesra beramah tamah dengan pesakit-pesakit serta bertanya khabar.

Bellau dan rombongan kemudian menghadiri jamuan makan tengahari di Mes Pegawai Divisyen tersebut yang turut

dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Haji Zainal Abidin Haji Nordin.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr. Mahathir sempat melawat sekitar projek Maktab Rendah Sains Mara yang sedang dibina dalam kawasan Kem Terendak.

Selepas itu, bellau dan rombongan melawat kem Pasukan Komando.

Ketibaan bellau disambut oleh Komandan dan Pusat Latihan Peperangan Khas (PLPK) iaitu tempat melatih anggota komando, Kolonel Hasbullah Yusof serta pegawai-pegawai kanan komando.

Melawat projek

Kolonel Hasbullah menyampaikan taklimat mengenai Rejimen Gerakhas kepada Datuk Seri Dr. Mahathir secara tertutup di Dewan Berhad PLPK.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyaksikan anggota-anggota komando menjalani latihan payung terjun di Kawasan Para serta cara-cara anggota Komando menjalani latihan menyelam di Kawasan Amfibi PLPK.

Bellau dan rombongan diiringi oleh Kolonel Hasbullah menyaksikan kecekapan kira-kira 20 anggota, Rejimen Gerakhas membuat penerjunan bebas dari kira-kira 3,000 meter dan sebahagian dari anggota tersebut terjun lengkap dengan peralatan perang.

Perdana Menteri kemudian dibawa melawat projek Depo Peluru Terendak kira-kira 3 kilometer di luar kawasan Kem Terendak.

Projek \$69.7 juta itu meliputi kawasan 198 hektar yang mula dibina Mei 1980 dan dijangka siap November tahun ini.



Melihat komando terjun

PERDANA MENTERI begitu asyik meneropong ke udara menyaksikan 20 anggota komando dari Rejimen Gerakhas Malaysia terjun dengan payung terjun dari ketinggian kira-kira 3,000 meter di Kem Sungai Udang, Melaka, baru-baru ini.

Di sebelah bellau ialah Komandan Pusat Latihan Peperangan Khas Angkatan Tentera, Kolonel Hasbullah Yusof.